

NO KAD PENGENALAN

						-			-			
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2025**

**SEJARAH
KERTAS 1
MASA : SATU JAM**

SEJARAH K1 SPM

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan
2. Jawab **semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan. Padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas ini mengandungi **16** halaman bercetak

1 Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?

- A Kerajaan
- B Kedaulatan
- C Undang-undang
- D Lambang kebesaran

2 Maklumat berikut merujuk kepada nakhoda Melaka semasa kegemilangan Melaka.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Nakhoda Jenal• Nakhoda Sahak |
|---|

Apakah sumbangan nakhoda tersebut?

- A Menghapuskan lanun
- B Menetapkan kadar cukai
- C Menjaga kebajikan peniaga
- D Mengusahakan undang-undang

3 Mengapakah peristiwa berikut tercetus di England?

Tahun	1688
Peristiwa	Revolusi Keagungan

- A Melindungi golongan bangsawan
- B Menegakkan kedaulatan parlimen
- C Membentuk negara bangsa moden
- D Mempertahankan sistem demokrasi

- 4 Maklumat berikut berkenaan tokoh nasionalisme di negara kita pada abad ke-20.

- Abdul Rahim Kajai
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Bagaimanakah tokoh tersebut menyebarkan idea nasionalisme?

- A Penubuhan madrasah
 - B Penulisan karya kreatif
 - C Penghasilan buku agama
 - D Penganjuran kongres kebangsaan
- 5 Tokoh berikut telah berusaha memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengeneipkan Perjanjian Versailles.




Adolf Hitler

Apakah tindakan yang telah beliau lakukan?

- A Memimpin Kuasa Bersekutu
- B Melancarkan gerakan revolusi
- C Menduduki wilayah Rhineland
- D Mempertahankan sistem monarki

- 6 Gambar berikut berkenaan kad catuan makanan yang diperkenalkan semasa pendudukan Jepun di negara kita.



Kad Catuan Makanan


Apakah tujuan pengenalan kad catuan tersebut?

- A Merekod kuantiti barang yang diterima penduduk
 - B Mengesan kegiatan penyeludupan makanan
 - C Mencatat segala maklumat jual beli
 - D Mengawal urusan penjualan beras
- 7 Mengapakah British meletakkan Tanah Melayu di bawah pentadbiran British Military Administration (BMA)?
- A Memantapkan ekonomi
 - B Mengukuhkan demokrasi
 - C Mengembalikan kestabilan
 - D Memperkukuhkan perpaduan

- 8 Tokoh wanita berikut memainkan peranan penting dalam perjuangan menentang British di Tanah Melayu.



Halimahton Majid



Datin Puteh Mariah

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Memperjuangkan kebajikan wanita
 - B Mengepalai gerakan bercorak radikal
 - C Membantah pelaksanaan Malayan Union
 - D Mewakili kerajaan dalam Rundingan Baling
- 9 Maklumat berikut berkenaan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada tahun 1946.

- Pemimpin UMNO
- Pegawai Kanan British
- Wakil Raja-raja Melayu

Mengapakah jawatankuasa ini ditubuhkan?

- A Merangka Perlembagaan Rakyat
- B Menyusun perlembagaan merdeka
- C Menentukan bidang senarai negeri
- D Membincangkan Perjanjian Persekutuan

- 10 Apakah manfaat yang diperoleh orang Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Peluang pekerjaan
 - B Taraf sosial meningkat
 - C Kebebasan untuk berpolitik
 - D Kedudukan istimewa dilindungi
- 11 Bagaimanakah ideologi komunis disebar di Tanah Melayu sebelum merdeka?
- I. Melalui hubungan antara kerajaan
 - II. Interaksi antara kumpulan pedagang
 - III. Menyusup masuk dalam pertubuhan
 - IV. Pembukaan cawangan Parti Kuomintang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Rundingan Baling antara wakil Persekutuan Tanah Melayu dengan Parti Komunis Malaya (PKM) Disember 1955. Mengapakah rundingan tersebut gagal?
- A Kegagalan mendapat pengampunan
 - B Kerajaan tidak mengiktiraf PKM
 - C Perkongsian kuasa gagal dicapai
 - D PKM enggan menamatkan keganasan
- 13 Dato' Onn Jaafar menubuhkan Independence of Malayan Party (IMP) pada tahun 1951. Apakah asas penubuhan parti tersebut?
- A Bercorak radikal
 - B Berasaskan Islam
 - C Perpaduan kebangsaan
 - D Permuafakatan bangsa

- 14 Bagaimanakah sistem persekolahan di Tanah Melayu semasa pentadbiran British?
- A Pemantauan oleh kerajaan
 - B Pembayaran gaji oleh British
 - C Menyatupadukan rakyat tempatan
 - D Menggunakan kurikulum berlainan


- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri yang diadakan di Tanah Melayu.

Tahun	Pilihan Raya
1954	Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 daripada 268 kerusi negeri

Apakah kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan maklumat tersebut?

- A Menekankan konsep persamaan taraf
 - B Membuktikan kerjasamana kaum diterima
 - C Melindungi kepentingan ekonomi antara kaum
 - D Memantapkan pentadbiran kerajaan tempatan
- 16 Dato' Ismail ingin menjadi calon dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun 1955. Apakah syarat yang perlu beliau penuhi?
- I Berumur 21 tahun
 - II Berpendidikan tinggi
 - III Pemimpin parti politik
 - IV Warganegara Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 17 Gambar berikut berkaitan tokoh yang terlibat dalam kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



Sheikh Abdullah Fahim

Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Mewakili Raja-raja Melayu
 - B Menyusun strategi perjalanan
 - C Menentukan tarikh kemerdekaan
 - D Mengetuai rombongan ke London
- 18 Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman sedang diarak ke Banda Hilir Melaka pada 20 Februari 1956.



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada negara?

- A Pengumuman tarikh kemerdekaan
- B Lantikan Ketua Menteri Persekutuan
- C Lawatan pemimpin negara ke Melaka
- D Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu

- 19 Apakah peranan jawatankuasa sambutan dalam meraikan hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Membina stadium
 - B Menganjurkan kursus protokol
 - C Mereka bentuk bendera kebangsaan
 - D Menyediakan anggaran perbelanjaan
- 20 Mengapakah bendera Union Jack diturunkan pada 31 Ogos 1957?
- A Tamatnya penjajahan British
 - B Pelantikan Pesuruhjaya Tinggi
 - C Gagasan Malaysia diisytiharkan
 - D Berakhirnya Pentadbiran Tentera British.
- 21 Konsep kedaulatan tradisional merujuk kepada
- A raja memiliki kuasa tertinggi
 - B pengiktirafan badan antarabangsa
 - C perkongsian kuasa antara badan pemerintah
 - D rakyat berhak menentukan hala tuju pentadbiran
- 22 Apakah jenis kedaulatan negara yang merujuk kepada pengiktirafan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Moden
 - B Tradisional
 - C Antarabangsa
 - D Undang-undang

- 23 Mengapakah perlembagaan penting terhadap sesebuah negara?
- A Mengekalkan kuasa mutlak raja
 - B Memberi kebebasan kepada rakyat
 - C Mengekalkan kuasa penuh kerajaan negeri
 - D Menetapkan hala tuju pemerintahan negara
- 24 Sejak merdeka Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Manakah pernyataan yang berkaitan dengan sistem tersebut?
- A Mahkamah menggubal undang-undang
 - B Sultan berkuasa mengetuai pentadbiran
 - C Majlis Raja-raja merangka perlembagaan
 - D Rakyat melibatkan diri dalam pemerintahan

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan ketua utama Negara dan Negeri.

Persekutuan	Negeri
Yang Dipertuan Agong	X

Apakah X?

- A Sultan
 - B Menteri Besar
 - C Perdana Menteri
 - D EXCO Kerajaan
- 26 Yang di-Pertuan Agong(YDPA) mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan negara. Manakah bidang kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong(YDPA)?
- A Meminda Perlembagaan
 - B Melantik Perdana Menteri
 - C Menentukan tarikh pilihan raya
 - D Meluluskan undang-undang negeri

- 27 Senarai Negeri memperuntukkan kuasa kerajaan negeri. Apakah perkara yang terletak di bawah Senarai Negeri?

- A Tanah
- B Pelajaran
- C Kesihatan
- D Hal ehwal luar negeri

- 28 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama dalam memelihara khazanah negara. Manakah yang berikut pasangan pernyataan yang betul?

	Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri
A	Menyedia pelan pembangunan Taman Laut	Menyelaras pentadbiran Taman Laut
B	Menyedia pelan pembangunan Taman Laut	Membentuk dasar berkaitan Taman Laut
C	Menyelaras pentadbiran Taman Laut	Membentuk dasar berkaitan Taman Laut
D	Membentuk dasar berkaitan Taman Laut	Menyedia pembangunan pulau

- 29 Berikut adalah tokoh Melayu yang mencadangkan idea penggabungan wilayah sejak sebelum Perang Dunia Kedua.

- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ibrahim Haji Yaakob
- Ahmad Boestamam

Mereka mencadangkan supaya Tanah Melayu digabungkan dengan

- A Sabah
- B Sarawak
- C Indonesia
- D Thailand



- 30 Suruhanjaya Cobbold 1962 ialah laporan pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang idea pembentukan Malaysia. Apakah pandangan tersebut?

- I Dua pertiga penduduk menyokong
- II Cadangan pemberian kuasa autonomi
- II Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- IV Syarat kerakyatan diperketatkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31 Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Apakah faktor berlakunya pemisahan tersebut?

- I Masalah perkauman
- II Menuntut hak sama rata
- III Konflik dalaman Malaysia
- IV Kekurangan cukai dari Singapura

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32

Gambar berikut berkaitan peristiwa rusuhan kaum di negara kita pada 13 Mei 1969.



Apakah langkah serta merta yang diambil oleh kerajaan untuk menangani peristiwa tersebut?

- A Bantuan tentera Komanwel
- B Mesyuarat sidang damai
- C Hukuman buang daerah
- D Pengisytiharan darurat

33 Maklumat berikut berkaitan dengan dua konsep pembinaan negara berasaskan kaum.

Konsep	
Perpaduan Kaum	Integrasi Nasional

Apakah teras yang dijadikan panduan dalam konsep tersebut?

- A Perlembagaan Persekutuan
- B Jawatankuasa Hubungan Kaum
- C Akta pendidikan kebangsaan
- D Majlis Perpaduan Negara

- 34 Gambar berikut merupakan Institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan oleh kerajaan pada 18 Mei 1970.



Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan?

- A Menjadikan lokasi kempen ke pusat pengajian
 - B Mengkaji dalam bidang sains dan teknologi
 - C Memartabatkan bahasa Melayu
 - D Memperkaya usaha terjemahan
- 35 Apakah faedah yang diperoleh kepada rakyat hasil daripada peranan agensi kerajaan semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru?
- A Menjadikan masyarakat lebih kreatif
 - B Meningkatkan pendapatan rakyat
 - C Menambah ilmu pengetahuan
 - D Memaju teknologi moden

- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan program pembangunan wilayah dengan pembukaan tanah.

- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)

Apakah matlamat pembangunan wilayah tersebut diperkenalkan?

- A Meningkatkan tanaman koko
- B Memperkenal kemahiran teknikal
- C Membuka tanah industri kelapa sawit
- D Membangun perniagaan kawasan hiliran
- 37 Apakah matlamat rancangan berikut kepada pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel tahun 1951?

Rancangan Colombo

- A Membuka pasaran
- B Membanteras rasuah
- C Mengatasi kebuluran
- D Menangani kemiskinan
- 38 Manakah yang berikut cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengukuhkan dasar luar?
- I Politik antarabangsa
- II Pembangunan ekonomi
- III Pengukuhan mata wang
- IV Pembangunan wilayah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Apakah perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Kali ke-40 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN di Siem Reap Kemboja 2019?
- A Menyelesaikan isu sempadan
 - B Penyalahgunaan dadah
 - C Membasmi kemiskinan
 - D Protes anti rasuah
- 40 Maklumat berikut merupakan Sidang Kemuncak Bumi yang dianjurkan oleh PBB di Rio de Janeiro Brazil pada tahun 1992.



Apakah yang terkandung dalam Agenda 21 yang dikeluarkan dalam sidang kemuncak tersebut?

- A Pengurusan sisa pepejal
- B Pengurusan aktiviti manusia
- C Kecekapan kebersihan alam
- D Kepupusan hidupan di hutan

Kertas Tamat